

BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS)

GARIS PANDUAN PERMOHONAN BAHARU LESEN PENGELUARAN FILEM / VIDEO

PENDAHULUAN

Garis Panduan ini dikeluarkan oleh Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia untuk panduan penggiat industri kreatif tempatan.

TUJUAN

Tujuan Garis Panduan ini adalah untuk memaklumkan kepada semua penggiat industri kreatif khususnya pelanggan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) yang menjalankan aktiviti pengeluaran filem termasuk segala aktiviti yang berhubung dengan mengeluarkan atau memproses filem-filem atau merekod atau menyalin pita video untuk dilihat oleh orang ramai atau mana-mana golongan orang ramai. Pemohon perlu mengemukakan permohonan lesen Pengeluaran Filem/Video mengikut syarat-syarat seperti yang telah ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Perlesenan) 1983 (“Peraturan 1983”).

PROSEDUR

1. PERMOHONAN LESEN PENGELUARAN FILEM/VIDEO

Permohonan boleh dibuat secara atas talian (*online*) melalui Sistem Pengurusan dan Pemantauan Industri Kreatif Negara (SPPIK) di pautan [www://sppik.finas.my](http://sppik.finas.my).

- a) Berikut adalah dokumen-dokumen dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi dan dimuatnaik dalam SPPIK :
- i. Salinan Notis Pendaftaran Syarikat, Seksyen 15 Akta Syarikat 2016;*
 - ii. Salinan Perakuan Pernerbitan Syarikat Sendirian, Seksyen 17 Akta Syarikat 2016 (Borang 9, Akta Syarikat 1965);*
 - iii. Salinan Perlembagaan atau Memorandum dan Artikel Syarikat;*
 - iv. Salinan Maklumat Syarikat terkini yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Seksyen 14 Akta Syarikat 2016;*
 - v. Salinan Notis Pertukaran dalam Daftar Pemegang Syer, Seksyen 51 Akta Syarikat 2016;*
 - vi. Salinan Penyata Pengumpulan Syer, Seksyen 78 Akta Syarikat 2016 (Borang 24, Akta Syarikat 1965);*
 - vii. Salinan Borang Pemindahmilikan Syer/Sekuriti, Seksyen 105 Akta Syarikat 2016 (Borang 32A, Akta Syarikat 1965) (jika ada);*

- viii. Salinan Notis Perakuan Pemerbadanan atas Pertukaran Nama Syarikat, Seksyen 28 Akta Syarikat 2016 (Borang 13A dan Borang 11, Akta Syarikat 1965) (jika ada).*

Dokumen Bertanda (*) hendaklah diakui sah oleh Setiausaha Syarikat/ *Company Secretary*.

- ix. Memiliki modal berbayar (*Paid-up Capital*) tidak kurang daripada Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000.00);
- x. Bagi pemohon yang mempunyai pegangan ekuiti majoriti asing dalam syarikat, pemohon hendaklah mematuhi keperluan ekuiti seperti di bawah :

Tahun pertama (1) hingga tahun kelima (ke-5) :

Bagi syarikat yang mempunyai ekuiti majoriti asing iaitu minimum lima puluh satu peratus (51%) daripada jumlah keseluruhan syer dalam syarikat itu dipegang oleh entiti asing, syarikat tersebut diwajibkan untuk mempunyai minimum tiga puluh peratus (30%) ekuiti dalam syarikat dipegang oleh rakyat Malaysia yang mana minimum tiga puluh peratus (30%) daripada ekuiti rakyat Malaysia tersebut hendaklah wajib dipegang oleh Bumiputera.

Tahun keenam (ke-6) dan seterusnya sebagai pemegang lesen di bawah Garis Panduan ini.

Syarikat hendaklah wajib mempunyai ekuiti majoriti rakyat Malaysia iaitu minimum lima puluh satu peratus (51%) daripada jumlah keseluruhan syer dalam syarikat. Manakala minimum tiga puluh peratus (30%) daripada ekuiti rakyat Malaysia tersebut hendaklah wajib dipegang oleh Bumiputera.

NOTA PENTING : SILA AMBIL MAKLUM BAHAWA SYARAT (X) DI ATAS TIDAK TERPAKAI KEPADA SYARIKAT YANG BERSTATUS KORIDOR RAYA MULTIMEDIA (MSC).

- xi. Mengemukakan Salinan Penyata Bank semasa syarikat bagi tempoh tiga (3) bulan terakhir;
- xii. Mengemukakan Biodata/Resume semua pemegang syer syarikat;
- xiii. Mengemukakan Perancangan Pengeluaran/Penerbitan sama ada drama, telemovie, iklan dan lain-lain bagi tempoh tiga (3) tahun dalam bentuk jam. (Bagi pemohon lesen Pengeluaran Filem sahaja);
- xiv. Salinan Surat Kelulusan dari MIDA dan lain-lain yang berkaitan. (Bagi pemohon lesen Pengeluaran Video sahaja).

- b) Syarikat juga hendaklah mempunyai premis yang sesuai untuk menjalankan aktiviti pengeluaran filem (pejabat) :
- i. Bangunan yang berstatus perniagaan atau rumah kedai sahaja;
 - ii. Bukan rumah kediaman melainkan statusnya telah ditukar kepada bangunan untuk kegunaan perniagaan atau komersial, SOHO (*Small Office Home Office*)/SOVO (*Small Office Virtual Office*);
 - iii. Syarikat hendaklah berlesen dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan memegang lesen premis perniagaan, lesen iklan dan sijil-sijil/lesen-lesen lain yang berkaitan; dan
 - iv. Jika premis pemohon beroperasi di *Small Office Home Office* (SOHO) atau *Small Office Virtual Office* (SOVO), pemohon hendaklah mengemukakan salinan perjanjian sewa lot atas nama pemohon tersebut.

- c) Pemohon akan ditawarkan Lesen Pengeluaran Filem/Video dengan membayar fi dan deposit sebagaimana yang ditetapkan di bawah Peraturan 2 (2) Peraturan 1983.

- d) Fi dan deposit bagi suatu lesen adalah seperti berikut :

BIL.	JENIS PERMOHONAN	CARA PERMOHONAN	DEPOSIT	FI
1.	Lesen Pengeluaran Filem (PF)	Atas Talian (<i>online</i>)	RM1,000.00	RM100.00
2.	Lesen Pengeluaran Video (PV)	Atas Talian (<i>online</i>)	RM5,000.00	RM100.00
Pembayaran boleh dibuat secara atas talian (<i>online</i>) melalui pautan www://sppik.finas.my				

- e) Sesuatu lesen yang dikeluarkan oleh FINAS adalah sah bagi suatu tempoh selama satu (1) tahun dan tertakluk kepada Peraturan 5, Peraturan 1983 boleh diperbaharui dari semasa ke semasa.
- f) Sesuatu lesen yang dikeluarkan hendaklah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga, Peraturan 1983 dan kepada apa-apa syarat tambahan sebagaimana ditetapkan dalam lesen itu.
- g) FINAS boleh pada bila-bila masa mengubah atau membatalkan apa-apa syarat tambahan atau mengenakan syarat-syarat tambahan yang baru.
- h) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat-syarat tambahan yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga, Peraturan 1983 dalam lesen, sama ada yang sedia ada atau yang baru.
- i) Pemohon baharu lesen Pengeluaran Filem (PF) akan melalui proses temuduga, seminar dan ujian sebelum diluluskan untuk mendapatkan lesen.

DEPOSIT

Berdasarkan Peraturan 7, Peraturan 1983, FINAS boleh melalui notis secara bertulis menghendaki mana-mana pemegang lesen supaya memberi apa-apa deposit sebagaimana ditentukan oleh FINAS dari semasa ke semasa, mengikut cara dan borang yang ditentukan oleh FINAS.

LUCUT HAK

Peraturan-Peraturan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Perlesenan) 1983 (Peraturan 1983). Deposit yang dibayar kepada FINAS hendaklah dianggap terlucuthak :

- a) Jika tiada permohonan bagi pembayaran balik dibuat selepas tiga (3) bulan habis tamat tempoh lesen;
- b) Sekiranya berlaku pembatalan lesen di bawah Seksyen 25 (2) Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (“Akta FINAS”); atau
- c) Sekiranya berlaku pembatalan lesen di bawah Peraturan 6, Peraturan 1983.

PELANGGARAN

Pemohon boleh dikenakan denda atau hukuman yang berikut sekiranya pemohon gagal mematuhi Akta FINAS, Peraturan 1983 dan/atau peraturan-peraturan lain yang dikeluarkan oleh FINAS :

- a) Seksyen 22 (1) Akta FINAS menetapkan bahawa tiada seseorang boleh mengambil bahagian dalam mana-mana aktiviti mengeluarkan, mengedar atau mempamer filem-filem atau mana-mana gabungan aktiviti yang dinyatakan dalam Seksyen 21 (1) akta yang sama melainkan jika suatu lesen dikeluarkan yang memberi kuasa kepadanya untuk berbuat demikian; dan
- b) Seksyen 25 (1) Akta FINAS menetapkan bahawa seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan Bahagian ini adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit (RM50,000.00) atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua (2) tahun atau kedua-dua denda dan penjara itu, dan selain dari itu ia boleh, mengenai kesalahan yang berterusan, dikenakan denda harian tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit (RM10,000.00) atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua (2) tahun atau kedua-dua denda dan penjara itu.

PENAFIAN

FINAS tidak pernah melantik atau meluluskan atau memberi kuasa kepada mana-mana pihak lain untuk melaksanakan urusan permohonan Lesen Pengeluaran Filem/Video.

Permohonan hendaklah dibuat sendiri oleh pemohon dan pemohon hendaklah mengemukakan dokumen sokongan secara terus kepada Unit Pelesenan, FINAS. Pemohon adalah dinasihatkan untuk membuat laporan kepada pihak berkuasa sekiranya terdapat mana-mana pihak yang menawarkan perkhidmatan untuk membuat permohonan atau menjanjikan sebarang kelulusan dengan tujuan mendapatkan habuan atau bayaran. FINAS tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti atau kerugian yang dialami atau ditanggung oleh pemohon akibat dari perkhidmatan yang diperolehi oleh pemohon dari pihak ketiga tersebut.

KUASA PERUNDANGAN

Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada Seksyen 22 (1) Akta FINAS dan perundangan-perundangan kecil di bawahnya seperti iaitu Peraturan 1983.

PROSES KERJA

1.	Kemukakan permohonan melalui atas talian (<i>online</i>) bersama dokumen sokongan
2.	Semak permohonan melalui SPPIK dan dokumen sokongan yang telah dimuatnaik
3.	Permohonan Lengkap?
4.	Permohonan Tidak Lengkap? Pemohon perlu mengemaskini maklumat yang tidak lengkap dan hantar semula melalui SPPIK
5.	Semak permohonan lesen baharu melalui SPPIK untuk kelulusan
6.	Lulus?
7.	Tidak Lulus? Kemaskini maklumat yang tidak lengkap
8.	Terima e-mel untuk membuat pembayaran secara atas talian (<i>online</i>) melalui SPPIK
9.	Pemohon cetak lesen setelah pembayaran dilakukan

Pautan SPPIK : [www://sppik.finas.my](http://sppik.finas.my)

Website FINAS : <http://www.finas.gov.my>

E-mel : pelesenanfinas@gmail.com

Tel : 03-4104 1300 / 1458 / 1360